

TEKS UCAPAN

YBHG DR. RUSHIDI BIN RAMLY
PENGARAH KESIHATAN NEGERI MELAKA
SEMPENA PERHIMPUNAN PAGI BIL. 9/2019
TEMA: HIJRAH DAN HARI MALAYSIA
18 SEPTEMBER 2019

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau & Bersih

Salam Melaka Sihat, Segak & Sejahtera

Saudara Pengacara Majlis

Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah-Pengarah Hospital

Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah

Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah

Ketua-ketua Jabatan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, kita berpeluang untuk bersama-sama berkumpul bagi **Perhimpunan Bulanan Bil. 9/2019**. Perhimpunan di bawah kelolaan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan kali ini memilih tema **HIJRAH DAN HARI MALAYSIA** sebagai tema perhimpunan bagi bulan September 2019.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan kerana berjaya menganjurkan perhimpunan pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tema HIJRAH DAN HARI MALAYSIA

2. Walaupun Hari ini bersamaan 18 Muharam, saya rasa masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Salam Maal Hijrah kepada semua anggota yang beragama Islam yang mana ia dirayakan pada 1 September 2019 yang lalu. Awal Muharram (juga dikenali sebagai Maal Hijrah) di sambut bagi meraikan permulaan Tahun Baru Islam. Muharram, berasal dari perkataan haram, bermaksud ditegah, merupakan bulan yang dianggap paling suci selain bulan Ramadan. Pada masa ini, umat Islam dilarang untuk berlawan, oleh itu, kebiasaannya bulan ini dikhaskan untuk berkabung dan keamanan. Di raikan sebagai bulan pertama dalam tahun Islam, ianya bersamaan dengan peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad dari Mekah ke Madinah

pada tahun 622 Masihi, dan dianggap sebagai masa untuk menilai diri serta titik perubahan.

3. Tema sambutan Maal Hijrah pada tahun ini adalah Negara Rahmah, Ummah Sejahtera. Pemilihan tema adalah bertepatan dengan Islam yang merupakan agama rahmah, mengajak manusia untuk saling hormat menghormati, berkasih sayang, bertoleransi, saling memaafkan dan bersifat belas kasihan. Kasih sayang yang dianjurkan oleh Islam dapat dilihat melalui konsep rahmah seperti ditekankan dalam al-Quran dan konsep Rahmatan Lil 'Alamin yang dibawa oleh Rasulullah SAW merangkumi segenap aspek kehidupan termasuk sikap adil, berkasih sayang, bertolak ansur, bersangka baik, berlemah lembut, perdamaian dan harmoni. Sifat rahmah adalah bukti ketinggian akhlak dan keperibadian unggul sesebuah masyarakat. Sifat-sifat baik ini juga selari

dengan nilai-nilai budaya koprat KKM iaitu penyayang, kerja berpasukan dan profesionalisma. Kita perlu menerapkan semua nilai murni ini dalam tugas kita seharian tidak kira di mana kita dan apa pangkat kita. Banyak aktiviti di peringkat jabatan yang berkonsepkan hijrah, contohnya Klinik Berhenti Merokok yang menukar kita dari merokok kepada tidak merokok.

4. Sebagai negara yang rahmah, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40). PeKa B40 adalah satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah, dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD). PeKa B40 ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang berada dalam lingkungan

pendapatan isi rumah 40% terendah, dikenali sebagai kumpulan B40. Penyertaan bagi program ini adalah secara automatik berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas dan tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai PeKa B40. Dalam hal ini saya ingin menyeru semua untuk sama-sama mewar-warkan program ini memandangkan pencapaian bagi negeri Melaka amat rendah pada masa ini.

5. Hari Malaysia pula disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di tarikh yang sama pada tahun 1963. Ia menandakan penyertaan bersama Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura bagi membentuk Malaysia. Bagi meraikan kedaulatan Malaysia, Hari Malaysia dijadikan hari cuti am

rasmi pada tahun 2010. Cuti ini memberi peluang bagi rakyat Malaysia untuk belajar mengenai sejarah negara sambil meraikannya bersama rakan-aulan mereka dan ahli keluarga. Pada tahun ini Hari Malaysia disambut di negeri Sarawak.

6. Kita perlu memupuk semangat patriotisme dan menolak segala unsur hasutan, fitnah serta rasuah yang boleh memecah-belahkan keharmonian negara. Selaras dengan tema sambutan Hari Malaysia 2019, 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih', adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memupuk semangat cinta kepada negara dan seterusnya menyemai semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia. Kita harus mengekalkan keharmonian dan perpaduan yang sekian lama dipupuk sejak kemerdekaan. Kita harus menghargai pengorbanan yang telah dicurahkan oleh tokoh-tokoh

pejuang kemerdekaan terdahulu dan usaha-usaha mereka dalam membina satu negara yang berjaya dari segi ekonomi dan sosial. Prinsip Rukun Negara yang menerapkan nilai murni berasaskan kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada raja dan negara, sikap toleransi antara satu sama lain dan semangat patriotisme yang jitu, mengajak semua rakyat untuk hidup bersatu padu. Adalah diharapkan semangat menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang penuh bersejarah itu dapat menyemarakkan lagi perpaduan antara kaum.

7. Bagi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, bagi meraikan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, Pertandingan Keceriaan Bangunan Bertemakan Kemerdekaan Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Tahun 2019 telah dianjurkan bagi semua fasiliti Kesihatan Negeri Melaka. Pertandingan ini adalah bertujuan untuk

memupuk semangat patriotik serta sifat cintakan negara di kalangan anggota kesihatan. Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu kategori pertama meliputi semua Bahagian di JKN, Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Pergigian Daerah, kategori kedua meliputi klinik kesihatan dan kategori ketiga meliputi klinik desa, klinik komuniti dan UTC. Kriteria penilaian pertandingan pula meliputi susun atur bendera yang menghiasi bangunan, penglibatan, kreativiti dan markah bonus bagi 'wow factor'. Adalah diharapkan agar pertandingan ini dapat sama-sama memupuk semangat cintakan negara di kalangan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Selain daripada sambutan Maal Hijrah dan Hari Malaysia, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong juga telah disambut pada 9 September 2019 yang lalu. Ia adalah hari cuti yang berorientasikan sekitar sambutan Hari Keputeraan Raja Malaysia. Di peringkat jabatan, kita dengan kerjasama Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Melaka akan menganjurkan Ekspo Melaka Sihat 2019 pada 20-22 September ini di Hall 'A' MITC dari jam 10 pagi hingga 10 malam. Antara objektif ekspo adalah untuk mengintegrasikan program kesihatan di bawah satu bumbung untuk dipromosikan secara besar-besaran. Pelbagai aktiviti dianjurkan seperti seminar, pertandingan, sesi bersama pakar, bicara sihat dan pameran kesihatan. Ia akan dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan pada 22 September 2019. Sehubungan itu semua

anggota adalah dijemput untuk menghadiri ekspo ini. Mengakhiri kalender bagi bulan September adalah Sambutan Hari Farmasi Sedunia yang akan diadakan pada 28 September 2019 bertempat di perkarangan kota A'Famosa Bandar Hilir. Pelbagai aktiviti dianjurkan seperti Pharm Run, pertandingan mewarna kanak-kanak , pameran kesihatan dan lain-lain. Ia akan dirasmikan oleh YB Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka.

Hadirin sekalian,

9. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan semua tentang situasi jerebu yang melanda negara termasuk negeri Melaka. Pada awal minggu ini Kerajaan negeri Melaka telah mengarahkan semua acara serta aktiviti luar di negeri itu dibatalkan ekoran keadaan jerebu yang kini berada pada paras yang

tidak sihat sehingga Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencecah lebih 200. YB Exco Kesihatan dan Antidadah Negeri Melaka, Tuan Low Chee Leong menyarankan supaya pihak yang telah merancang acara atau aktiviti luar membatalkannya buat masa sekarang sehingga situasi kembali pulih dan orang ramai dinasihatkan mengurangkan aktiviti luar dan minum air masak mencukupi sekurang-kurangnya lapan gelas sehari. Situasi semasa jerebu ini boleh memberi kesan buruk pada kesihatan individu khususnya warga emas dan kanak-kanak serta mereka yang menghidap penyakit jantung dan paru-paru. Penggunaan topeng muka adalah penting bagi mencegah terdedah dengan jerebu secara terus dan menggunakan pendingin hawa kereta pada mod kitaran dalaman selain memastikan sentiasa membasuh muka dan tangan dengan air bersih. Orang ramai yang mengalami simptom akibat jerebu seperti gatal kerongkong dan batuk, mata pedih

dan berair, sukar bernafas atau sesak nafas, hidung berair dan kerap bersin, sakit dada serta gatal kulit badan dinasihat mendapatkan rawatan awal di klinik atau hospital berhampiran. Sehubungan itu saya menyeru agar semua petugas di klinik kesihatan, klinik desa dan hospital serta di Jabatan Kesihatan negeri sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi peningkatan pesakit sekiranya situasi jerebu semakin buruk.

Hadirin sekalian,

10. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk mengumumkan bahawa pihak JKN telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Kesihatan sebanyak RM 700,000.00 di bawah BP 6 dan sebanyak hampir RM 1 juta di

bawah BP 11. Sekiranya mendapat kelulusan saya ingin meminta semua PTJ melaksanakan segera semua urusan perolehan agar peruntukan yang diperolehi dapat dibelanjakan sebelum tarikh penutupan akaun pada tahun ini.

11. Untuk makluman semua juga, pada ketika ini sebanyak 5 projek yang agak kritikal dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.65 juta sedang dilaksanakan di beberapa klinik iaitu Kerja-Kerja Pembaikan Masalah Serangan Kulit Di Klinik Kesihatan Masjid Tanah dan Pelaksanaan Kerja Luar Sempadan Mengikut Kelulusan Pelan Jalan Dan Perparitan Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Klinik Desa Telok Mas, Pantai Kundor, Pulau Sebang dan Tanjung Bidara. Projek-projek ini telah diunjurkan siap antara pertengahan bulan Oktober sehingga penghujung November 2019. Dalam hal ini saya menyeru

semua PTJ berkaitan dan Unit Kejuruteraan selaku Pegawai Teknikal untuk memantau rapi perkembangan projek dan mengambil tindakan sewajarnya termasuklah mengarahkan kontraktor supaya bekerja lebih masa agar projek-projek ini dapat disiapkan dan dibayar pada tahun ini juga.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Untuk makluman juga, mulai tahun ini sistem ePrestasi akan digunapakai semasa persidangan PPSM bagi memilih calon APC dan penetapan pergerakan gaji tahunan. Sistem ini merupakan perkongsian pintar bersama dengan JKN Negeri Sembilan. Sistem ini merekod maklumat prestasi kerja kakitangan termasuk semua PTJ di bawahnya, maka ia dapat menjanakan maklumat secara cepat, tepat dan telus.

13. Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung penghargaan kepada Timbalan Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan serta warga BKKM yang telah berjaya mengendalikan perhimpunan bulanan bagi bulan September 2019 Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.